

06/09/1997

MB puji keberanian Mahathir bersih otak Melayu

UMNO harus berani tampil untuk memegang peranan utama dalam pembangunan masyarakat dan budaya Islam di negara ini.

Kalangan Menteri Besar menyifatkan pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang lebih banyak menjurus kepada persoalan Islam dan sikap orang Melayu, perlu diberi perhatian oleh ahli Umno.

Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, berkata Umno tidak boleh terus membiarkan pihak lain memainkan peranan itu.

"Sebagai parti dan kerajaan yang memerintah, jelas daripada ucapan Presiden Umno itu, bahawa kerajaan sekarang iaitu Umno secara berani akan memainkan peranannya.

"Ucapan beliau juga tidak tertumpu kepada isu yang bersifat sementara seperti isu saham. Sebaliknya, ucapan Dr Mahathir ditumpukan kepada peletakan asas yang kuat kepada perkembangan seterusnya.

"Ucapan itu saya kira satu proses untuk membersihkan otak orang Melayu daripada isi yang tidak betul," katanya.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, menyifatkan ucapan Dr Mahathir sebagai berani kerana melahirkan pandangannya terhadap beberapa sikap umat Islam yang boleh menjadi halangan kepada pembentukan budaya yang melahirkan bangsa cemerlang.

Beliau berkata, dalam konteks Malaysia, hubungan di antara Islam, Melayu dan Umno adalah satu kombinasi yang kuat yang boleh menjadi tunjang kepada pembentukan budaya.

"Justeru, Umno boleh meneliti peranan yang boleh dimainkan untuk menyuntik budaya yang tepat ke arah mencapai matlamat itu," katanya.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, menyifatkan ucapan Dr Mahathir banyak memberi penekanan terhadap soal fardu kifayah perlu dilihat sebagai satu perspektif baru di kalangan umat Islam di negara ini.

Beliau berkata, mesej yang diketengahkan sangat jelas, iaitu umat Islam perlu bijaksana apabila melakukan setiap tindakan, khususnya membabitkan soal agama.

"Sebagai contoh, Dr Mahathir mahu setiap tindakan berkaitan agama jangan sampai merosakkan ummah. Jika sesuatu benda atau perbuatan itu hukumnya haram, ia tetap haram, begitu juga sebaliknya," katanya.

Beliau turut menyifatkan ucapan Dr Mahathir kali ini penuh dengan idea dan pendekatan baru untuk dihayati serta dipraktikkan oleh ahli parti dan rakyat keseluruhannya.

Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaacob pula meminta semua pihak mengambil iktibar daripada ucapan Dr Mahathir yang merangkumi hampir semua aspek dalam usaha membawa pembangunan yang lebih rancak untuk negara.

Menurutnya, matlamat itu hanya boleh dicapai sekiranya orang Melayu tidak terlalu banyak membincangkan mengenai perkara soal cabang agama, sebaliknya perlu menerimanya secara positif.

(END)